

**Ramasamy Perlu Minta Maaf Kepada Parti: Kata Karpal Singh
Bernama
11 Disember, 2011**

BUTTERWORTH, 11 Dis (Bernama) -- Timbalan Pengerusi DAP Negeri P. Ramasamy perlu memohon maaf secara terbuka berhubung kenyataan 'godfather' dan menjaga akhlaknya serta menghormati pemimpin veteran, kata Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh.

Beliau berkata tanpa pemimpin veteran yang berjuang dan berkorban masa serta tenaga membina parti, sudah tentu DAP tidak akan berada dalam kedudukan sekarang.

"Siapa yang bina DAP? Pemimpin veteran yang membina parti dan jangan sekali-kali lupa pengorbanan pemimpin-pemimpin ini. Pemimpin-pemimpin hari ini tidak akan menjadi pemimpin tanpa pengorbanan mereka," katanya ketika berucap pada konvensyen tahunan DAP Pulau Pinang di sini hari ini.

Ucapan Karpal yang membidas Ramasamy itu menimbulkan kekecohan di kalangan penyokong Timbalan Ketua Menteri II itu, bagaimanapun keadaan dapat dikawal dan kembali tenang.

Karpal turut membidas Ramasamy kerana melabelkan dirinya sebagai 'godfather'.

"Godfather menggambarkan imej kumpulan mafia, DAP tidak pernah bertoleransi dengan mafia," katanya.

Selain itu, Karpal juga mengkritik Ramasamy kerana cuba melakukan sesuatu mengikut caranya sendiri.

"Tiada siapa pun yang boleh menjadi panglima perang dalam DAP, termasuk Ramasamy dengan cuba menamakan nama calon-calon pilihannya," katanya.

Sebelum ini, Ramasamy yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Perai dilaporkan telah mengumumkan dalam satu majlis baru-baru ini bahawa beliau dan tiga calon wanita India bakal bertanding dalam pilihan raya umum ke-13.

Berikutan itu, Karpal yang juga Anggota Parlimen Bukit Gelugor memberi amaran kepada Ramasamy supaya tidak mengumumkan konco-konconya sebagai calon.

Dalam perkembangan lain, kira-kira 150 anggota pertubuhan bukan kerajaan mengadakan demonstrasi sebagai bantahan kepada Adun Seri Delima, RSN Rayer dan Adun Bagan Dalam, A Thanasekaran berhubung isu yang sama serta menyatakan sokongan mereka terhadap kepimpinan Ramasamy.

Kesemua peserta demonstrasi membawa lapan kain rentang dalam bahasa Malaysia dan bahasa Tamil yang mengutuk Rayer dan Thanasekaran di samping menyatakan sokongan kepada Ramasamy.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633367>